

Menandatangani Kontrak untuk Khidmat Penjagaan di Rumah



Pakej Penjagaan di Rumah (Home Care Package) memastikan anda mendapat khidmat dan sokongan yang anda perlukan.

Sebelum menandatangani Kontrak dengan pihak Penyedia Khidmat Penjagaan di Rumah, penting anda ketahui hak dan tanggungjawab anda.

Anda perlu:

1. Memahami hak anda¹.
2. Mengetahui bahawa hak anda patut dihormati pihak penyedia khidmat penjagaan di rumah.
3. Jika ada sesuatu kebimbangan, bercakaplah dengan penyedia khidmat anda.
4. Anda juga ada tanggungjawab kepada penyedia khidmat penjagaan di rumah pilihan anda.
5. Selalu bersikap hormat dan bertimbang rasa.
6. Sediakan ruang yang selamat untuk mereka dan kakitangan mereka membantu anda.
7. Bersedia menerima perubahan pakej penjagaan, jika kesihatan anda berubah.
8. Bayar yuran yang disetujui dengan penyedia khidmat penjagaan di rumah.

¹ Home Care Packages Program Manual for Care Recipients, (Manual Program Pakej Penjagaan di Rumah untuk Penerima Penjagaan) versi 1.4, Januari 2023

Sebelum Menandatangani Kontrak

Ada beberapa hak anda *sebelum* Kontrak ditandatangani. Anda patut dapat memahami dengan jelas Kontrak yang anda tandatangi.

Perkara-perkara yang patut diperiksa

		Ya	Tidak
1.	Adakah anda menerima salinan Kontrak, risalah dan brosur perkhidmatan dalam bahasa Inggeris yang ringkas tanpa istilah-istilah rumit?	☐	☐
2.	Adakah anda menerima salinan dalam bahasa Melayu semua dokumen yang disediakan pihak Penyedia Khidmat?	☐	☐
3.	Adakah anda menerima salinan Kontrak (dalam bahasa Inggeris dan Melayu) sekurang-kurangnya <i>satu</i> minggu sebelum janji temu untuk menandatangani? *	☐	☐
4.	Adakah Kontrak mengandungi senarai jelas khidmat yang akan diberikan pihak Penyedia Khidmat apabila ditandatangani oleh anda?	☐	☐
5.	Adakah Kontrak menyenaraikan semua khidmat yang <i>boleh</i> diberikan pihak Penyedia Khidmat berdasarkan penilaian Penjagaan di Rumah untuk anda (walaupun buat masa ini anda tidak berminat)?	☐	☐
6.	Sudahkah anda fikirkan cara mahu membayar yuran (misalnya debit langsung, potongan Centrelink, atau pindahan wang bulanan)?	☐	☐
7.	Adakah anda ditawarkan jurubahasa profesional, yang bukan ahli keluarga, untuk menterjemahkan perbualan dengan pihak Penyedia Khidmat?*	☐	☐
8.	Adakah anda diberi masa untuk menyemak Kontrak bersama pihak Penyedia Khidmat dan untuk semua soalan anda dijawab?	☐	☐
9.	Adakah anda mendapat salinan Piagam Hak Penjagaan Warga Emas (Charter of Aged Care Rights) dalam bahasa Melayu, selain Inggeris?	☐	☐

Jika jawapan anda 'tidak' kepada mana-mana perkara ini, anda berhak minta penerangan lanjut daripada pihak Penyedia Khidmat.

* Khidmat penterjemah dan jurubahasa disediakan **percuma** untuk anda dan Penyedia Khidmat.

Risalah ini diterbitkan oleh COTA NT, dengan sokongan kewangan daripada Department of Health and Aged Care (Jabatan Kesihatan dan Penjagaan Warga Emas). Untuk versi boleh sunting, sila hubungi pengurus PICAC.